

## KEMERIAHAN DI KONVOI BERBASIKAL 1 WILAYAH PERSEKUTUAN

[Admin F1P9](#) | 15/02/2015 | [Persatuan Penduduk](#) | [No Comments](#)

Kemeriahana di hujung minggu!

Pelbagai program yang menarik berlangsung di Putrajaya dan seterusnya memeriahkan [Aktiviti Hari Wilayah Persekutuan 2015](#).

Putrajaya Autoshow juga diadakan pada hari ini, dibelakang Palace Of Justice, ianya dirasmikan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan, turut bersama adalah YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Aseh Bin Haji Che Mat. Kepada yang berminat tentang pengubahsuaian kenderaan boleh membawa keluarga bersama menyaksikan acara ini. Pegawai Muda PPj adalah penyelaras kepada acara ini.

Manakala TKC Walk a Run Carnival dirasmikan oleh YBhg Datin Seri Rosmah Mansor isteri YBhg Perdana Menteri di Kompleks Sukan Air presint 6, turut hadir bersama YB Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin.



Yang pasti menarik adalah Konvoi Berbasikal 1Wilayah Sempena Hari Wilayah Persekutuan Putrajaya hampir seramai 6000 orang peserta turut serta dan dirasmikan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan, turut hadir Timbalan Menteri WP, KSU WP, TKSU dan YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Aseh Bin Haji Che Mat.



Penduduk Fasa 1 Presint 9 juga tidak melepaskan peluang untuk menyertai Konvoi Berbasikal 1 Wilayah Persekutuan. Dengan kelengkapan basikal dan pakaian khas, mereka adalah antara dari ribuan peserta konvoi.





Aktiviti berbasikal secara konvoi ini memang cukup meriah dan mendapat sambutan yang hangat termasuk dari bikers Bandar Tun Hussien Onn. Ada juga cabutan bertuah yang menarik kepada peserta konvoi ini.





